

# Antara Membasuh dengan Mencuci

S. NATHESAN

**B**aru-baru ini, ketika terlibat dalam kerja penterjemahan bersama-sama rakan penulis, timbul persoalan antara kami tentang penggunaan kata kerja transitif **membasuh** dan **mencuci**. Adakah **mencuci** tangan atau **membasuh** tangan itu betul? Lazimnya, orang menyebut mencuci tangan dan bukannya membasuh tangan. Penulis ini beranggapan bahawa masih ada kekeliruan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu tentang penggunaan kedua-dua kata kerja transitif tersebut apabila melakukan perbuatan tertentu.

Dalam kehidupan harian, kata **membasuh** dan **mencuci** amat kerap digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Soalnya, adakah penggunaan kata kerja itu betul dan memenuhi maksudnya yang tepat? Perkataan

“

Dalam kehidupan harian, kata membasuh dan mencuci amat kerap digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Soalnya, adakah penggunaan kata kerja itu betul dan memenuhi maksudnya yang tepat? Perkataan

basuh dan cuci tentunya ada perbezaan dari segi semantik atau makna.

”

basuh dan cuci tentunya ada perbezaan dari segi semantik atau makna.

Menurut *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (2015), kedua-dua kata tersebut bersinonim, iaitu mempunyai maksud yang sama. Selain itu, kata **membilas**, **mendobi**, **menyabun**, **mengubah**, **mengincih**, **menguras**, **mencucikan**, **mencebok**, **menyamak**, dan **menerbu** diberikan sebagai kata alternatif bagi **membasuh**. Bagi kata mencuci pula, **membasuh**, **membersihkan**, **menyiang**, **membilas**, **mengubah**, **menjirus**, **menyimbah**, dan **menyapu** diberikan sebagai kata yang bersinonim. Barangkali ada antara pengguna bahasa Melayu yang tidak sedar akan kewujudan beberapa kata yang bersinonim bagi **membasuh** dan **mencuci** dalam bahasa Melayu.

*Kamus Dewan* (2016) pula mendefinisikan **membasuh** seperti yang berikut: 1. Membersihkan sesuatu dengan air; 2. Menjadikan tidak lagi (kenangan pahit, kekejian, malu dan sebagainya), (kiasan); 3. Memarahi dan meleteri seseorang (bahasa percakapan); 4. Menghapuskan, menyapu bersih. **Mencuci** pula ditakrifkan seperti yang berikut: 1. Membersihkan dengan air, 2. Membersihkan (mengesat atau menyapu dan menyapu bulu ayam, dan lain-lain)

*Kamus Besar Utusan* (1995) pula mentakrifkan **membasuh** sebagai mencuci, membersihkan (darah), menguras, mengubah, membilas; memarahi dan meleteri; menghilangkan, melenyapkan, menyapu bersih; menjadikan tidak ada lagi (kenangan pahit, dan **mencuci** sebagai membersihkan (darah dengan air), dan membasuh (muka).

Satu hal dalam perbincangan ini adalah bahawa kata *wash* dalam bahasa Inggeris menjadi kata padanan bagi

Dia membasuh buah tomato itu untuk menghilangkan kekotoran.



Dia bersungguh-sungguh memberus dan mencuci karpet itu dengan air laut.

...a Melayu basuh dan cuci. Dengan hal yang demikian, dapat dua perkataan dalam bahasa Melayu untuk rujuk perbuatan yang sama, sedangkan dalam bahasa Inggeris cuma ada satu perkataan, iaitu wash yang bermaksud to clean something with water (Cambridge Online Dictionary).

Berdasarkan entri makna yang dibekalkan dalam kedua-dua kamus tersebut, komponen makna kedua-dua kata kerja tersebut dapat diberikan seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1 Komponen makna membasuh dan mencuci.

Entri makna	Kata kerja	
	membasuh	mencuci
membersihkan dengan air	+	+
membersihkan (mengesat atau menyapu dengan enyapu ayam dan lain-lain)	-	+
menghapuskan	+	-

Berdasarkan analisis komponen makna kedua-dua kata kerja tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa membasuh dan mencuci tidak dianggap bersinonim secara penuh. Hal ini dikatakan demikian kerana ada komponen dalam membasuh yang tidak ada dalam mencuci, dan demikian juga ada komponen dalam mencuci yang tidak terdapat dalam membasuh.

Persoalannya, adakah semua kata yang bersinonim secara satu sama lain dapat digunakan secara bertukar ganti? Maksudnya, dapatkah kata mencuci menggantikan membasuh atau mencuci digantikan dengan membasuh? Sudah tentu hal seumpama ini tidak dapat dilakukan secara sewenang-wenangnya kerana komponen makna kedua-dua tidaklah sama. Selain itu, tiap kata dalam bahasa Melayu ada nilai rasa yang tersendiri serta mendukung makna yang khusus dalam konteks penggunaannya.

Cuba perhatikan beberapa contoh penggunaan kata membasuh dan mencuci dalam korpus DBP dalam ayat-ayat berikut:

1. Perlahan-lahan lagi dia membasuh tangan.
2. Langkah itu diambil berikutan air yang digunakan untuk membasuh peralatan hidangan sekarang ini didapati menyebabkan sekitar kawasan tapak makanan, kotor.
3. Air boleh digunakan untuk mandi-manda, membasuh baju, menyiram pokok, membasuh kenderaan dan mengambil air sembahyang.
4. Mahu rasanya dia membasuh tekaknya dengan secawan kopi panas.
5. Air divedok dengan timba tin susu lalu membasuh mukanya.
6. Membasuh sayur-sayuran atau mengemas meja ialah satu kegiatan menyeronokkan.
7. Dia cepat-cepat mencuci tangan dan berlari ke pintu pagar.

Berdasarkan analisis komponen makna kedua-dua kata kerja tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa membasuh dan mencuci tidak dianggap bersinonim secara penuh. Hal ini dikatakan demikian kerana ada komponen dalam membasuh yang tidak ada dalam mencuci, dan demikian juga ada komponen dalam mencuci yang tidak terdapat dalam membasuh.

8. Setelah dikumpulkan, air hujan biasanya digunakan untuk tujuan menyiram tanaman, mencuci kereta dan kain, serta mencuci halaman rumah dan parit.
9. Penduduk kampung mencuci kain di sungai.
10. Sumbangan dua buah mesin hemodialisis pula membolehkan Unit Nefrologi di HKT merawat lebih banyak pesakit buah pinggang mencuci darah mereka.
11. Selepas makan, Hanim bergegas mencuci pinggan mangkuk.
12. Dia mencuci pisau tersebut dengan bersih dan bersembunyi di belakang pintu untuk menunggu kepulangan ayahnya.

Contoh penggunaan kata kerja membasuh dan mencuci dalam korpus DBP menunjukkan beberapa hal untuk diambil kira. Yang pertama, tidak ada satu ketetapan secara tegas dan eksplisit untuk penggunaan kata kerja membasuh dan mencuci dalam kalangan pengguna. Adakalanya digunakan kedua-dua kata kerja secara bertukar ganti bagi perbuatan yang sama, seperti mencuci kereta dan membasuh kereta, mencuci tangan dan membasuh tangan, serta membasuh muka dan mencuci muka.

Walau bagaimanapun, ada kata kerja yang hanya boleh digunakan secara khusus untuk menyatakan maksud secara eksplisit. Sebagai misalnya, mencuci darah betul dan kurang tepat jika digunakan membasuh darah dan mencuci sayur kurang tepat berbanding dengan membasuh sayur.

Hal ini menunjukkan bahawa belum terdapat persetujuan secara konvensi tentang penggunaan membasuh dan mencuci dalam kalangan pengguna, walaupun adakalanya nilai rasa kita berkata bahawa kurang tepat untuk menggunakan membasuh atau



Setengah pusat servis kereta turut menyediakan khidmat mencuci kereta.

“Walau bagaimanapun, ada kata kerja yang hanya boleh digunakan secara khusus untuk menyatakan maksud secara eksplisit. Sebagai misalnya, mencuci darah betul dan kurang tepat jika digunakan membasuh darah dan mencuci sayur kurang tepat berbanding dengan membasuh sayur.”

mencuci untuk perbuatan membersihkan sesuatu. Tentunya masyarakat tradisional sudah membuat ketetapan untuk menggunakan sama ada mencuci ataupun membasuh bagi membersihkan sesuatu secara spesifik.

Kelihatan kata kerja membasuh hanya melibatkan kerja sesuatu yang menggunakan air, manakala mencuci boleh dilakukan tanpa air. Hal seumpama itu hendaklah dikenal pasti supaya penggunaan membasuh dan mencuci menjadi lebih teratur dan memenuhi unsur makna dengan baik.

Setelah mengikuti perbincangan ini, marilah uji kefahaman anda tentang penggunaan kata kerja membasuh dan mencuci melalui latihan yang berikut:

Tandakan ( / ) bagi ayat yang betul penggunaannya.

1. Ibu membasuh kain di bilik air. ( )
2. Setiap hari pembantu rumah itu mencuci pinggan mangkuk dua kali. ( )
3. Ramasamy membasuh keretanya setiap hujung minggu. ( )
4. Pekerja sedang membasuh halaman dewan besar itu. ( )
5. Ketika mencuci rambut di salon, Shameena tertinggal dompet baharu saya. ( )
6. Asheera anak kecil itu hendaklah dididik untuk mencuci tangan sebelum makan. ( )
7. Pak Kailas membasuh halaman rumah bersama-sama isterinya. ( )
8. Kerja mencuci kain menjadi tugas utama Puan Letchumi. ( ) PB

# KATA HUBUNG YANG BERTURUTAN DALAM AYAT

KHO THONG ENG

**K**ata hubung ialah kata tugas yang berfungsi untuk menyambung klausa agar dapat membina ayat majmuk. Terdapat dua jenis kata hubung dalam bahasa Melayu, iaitu kata hubung gabungan dan kata hubungan pancangan. Seterusnya, kata hubung pancangan pula terbahagi kepada tiga jenis, iaitu kata hubung pancangan relatif, kata hubung pancangan komplemen, dan kata hubung pancangan keterangan. Sila lihat contoh yang berikut:

- 1(a). Hossen ke bandar.
- 1(b). Zaidi ke bandar.
- 1(c). Hossen dan Zaidi ke bandar.
  
- 2(a). Dia membeli kereta.
- 2(b). Keretanya mahal.
- 2(c). Dia membeli kereta yang mahal.
  
- 3(a). Hasmi sedar.
- 3(b). Sharifah ingin menolong Hasmi.
- 3(c). Hasmi sedar bahawa Sharifah ingin menolongnya.
  
- 4(a). Ruzana berusaha.
- 4(b). Ruzana hendak berjaya.
- 4(c). Ruzana berusaha kerana hendak berjaya.
  
- 5(a). Roziah akan membeli kereta yang baharu.
- 5(b). Roziah mempunyai simpanan secukupnya untuk membelinya.
- 5(c). Roziah akan membeli kereta yang baharu jika dia mempunyai simpanan secukupnya untuk membelinya.

Ayat 1(c) ialah majmuk gabungan, iaitu hasil penggabungan ayat 1(a) dan 1(b) dengan kata hubung gabungan dan. Ayat 2(c) ialah ayat majmuk

“

Seiring dengan perkembangan masyarakat kontemporari yang dilanda arus globalisasi, timbul keperluan untuk menyatakan konsep dan idea yang pelbagai. Dengan itu, konstruksi ayat bahasa Melayu turut menjadi lebih kompleks, supaya dapat mengungkapkan konsep yang berkenaan dengan tepat dan jelas.

”

pancangan relatif, iaitu ayat yang terhasil apabila ayat 2(b) dipancangkan dalam ayat 2(a) dengan kata hubung relatif yang. Ayat 3(c) ialah ayat majmuk pancangan komplemen iaitu ayat yang terbina apabila ayat 3(b) dipancangkan dalam ayat 3(a) dengan keterangan, manakala ayat 4(c) ialah ayat majmuk pancangan keterangan iaitu ayat yang terbentuk apabila ayat 4(b) dipancangkan dalam ayat 4(a) dengan kata hubung pancangan keterangan musabab kerana. Ayat 5(c) pula merupakan ayat majmuk campuran iaitu ayat yang terhasil apabila ayat 5(b) yang sedia mempunyai kata hubung pancangan keterangan tujuan untuk dipancangkan dalam ayat 5(a) yang sedia mempunyai kata hubung pancangan relatif yang dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan jika.

Seiring dengan perkembangan masyarakat kontemporari yang dilanda arus globalisasi, timbul

Roziah akan membeli kereta yang baharu.

ntuk menyatakan konsep dan idea  
ai. Dengan itu, konstruksi ayat bahasa  
t menjadi lebih kompleks supaya dapat  
pkan konsep yang berkenaan dengan tepat  
alam senario sedemikian, timbullah persoalan  
at bahasa Melayu boleh dibina dengan kata  
g berturutan atau tidak. Sila lihat contoh  
t:

sedar.  
ng yang bersalah bukan adiknya.  
sedar bahawa orang yang bersalah bukan  
nyanya.  
sedar bahawa yang bersalah bukan adiknya.

terbina apabila ayat 6(b) yang ada kata  
ncangan relatif yang dipancarkan dalam  
ngan kata hubung pancangan komplemen  
abila berlaku pengguguran subjek orang  
yang dipancarkan, maka terhasillah ayat  
kata hubung pancangan komplemen  
suli terus oleh kata hubung pancangan  
Dalam hal ini, ayat 6(d) adalah gramatis  
kan ayat terbitan atau variasi pilihan bagi  
6(c).

Analisis konstituen terdekat, dapat dilihat  
hubung bahawa dengan yang hanya  
an berturutan tetapi tidak mempunyai  
rdekat. Frasa "yang bersalah" (subjek) lebih  
gannya dengan "bukan adiknya" (predikat)  
dengan "bahawa". Jelaslah bahawa kata

ri segi analisis konstituen  
kat, dapat dilihat bahawa kata  
g bahawa dengan yang hanya  
kedudukan berturutan tetapi  
mempunyai hubungan terdekat.  
"yang bersalah" (subjek) lebih  
hubungannya dengan "bukan  
nyanya" (predikat) berbanding  
dengan "bahawa".



Dia marah kerana tiada sesiapa yang menjaganya ketika dia sakit.

hubung "bahawa" menjadi penghubung antara klausa  
"dia sedar" dengan seluruh klausa "yang bersalah bukan  
adiknya". Sila lihat contoh berikut :

6(e). Dia sedar bahawa yang bersalah bukan  
adiknya.

Ayat majmuk pancangan komplemen boleh juga  
dipancarkan ayat majmuk pancangan keterangan. Sila  
lihat contoh berikut:

- 7(a). Kita harus sedar bahawa kita harus berusaha.
- 7(b). Kita harus berusaha jika ingin berjaya.
- 7(c). Kita harus sedar bahawa kita harus berusaha  
jika ingin berjaya.
- 7(d). Kita harus sedar bahawa jika kita ingin berjaya,  
kita harus berusaha.
- 7(e). \*Kita harus berusaha bahawa jika kita ingin  
berjaya.

Ayat 7(c) terbina apabila ayat 7(b) yang sedia  
mempunyai kata hubung pancangan syarat jika  
dipancarkan dalam ayat majmuk pancangan  
komplemen yang sedia mempunyai kata hubung  
pancangan komplemen bahawa. Ayat 7(d) terhasil  
dripada proses penyongsangan klausa pancangan  
syarat sehingga kedudukan kata hubung pancangan  
komplemen hawa dan kata hubung pancangan  
keterangan syarat jika berturutan. Dalam hal ini, ayat 7(d)  
adalah gramatis dan merupakan variasi bagi ayat 7(c).  
Lainlah halnya bagi ayat 7(e), kerana konstruksi ayatnya  
tergantung. Sila lihat contoh ayat yang lain:

“

Intihanya, variasi dari segi struktur ayat  
merupakan tonggak kekuatan dan asas  
keindahan sesuatu bahasa. Janganlah  
kita terlalu bersikap konservatif dan  
dogmatik dalam zaman yang diwarnai  
perubahan pada setiap waktu kini.

”

- 8(a). Dia mengetahui bahawa ibunya menjaganya.
- 8(b). Ibunya menjaganya semasa dia sakit.
- 8(c). Dia mengetahui bahawa ibunya yang  
menjaganya semasa dia sakit.
- 8(d). Dia mengetahui bahawa semasa dia sakit,  
ibunya yang menjaganya.
- 8(e). \*Dia mengetahui bahawa semasa dia sakit.
- 9(a). Dia sedar bahawa dia harus bersyukur.
- 9(b). Dia harus bersyukur walaupun hidupnya susah.
- 9(c). Dia sedar bahawa dia harus bersyukur walaupun  
hidupnya susah.
- 9(d). Dia sedar bahawa walaupun hidupnya susah,  
dia harus bersyukur.
- 9(e). Dia sedar bahawa walaupun hidupnya susah.

Ayat 8(c) terbina apabila ayat 8(b) yang sedia  
mempunyai kata hubung pancangan waktu semasa  
dipancarkan dalam ayat majmuk pancangan  
komplemen yang sedia mempunyai kata hubung  
pancangan komplemen bahawa. Ayat 8(d) terhasil  
daripada proses penyongsangan klausa pancangan  
keterangan waktu sehingga kedudukan kata hubung  
pancangan komplemen bahawa dan kata hubung  
pancangan keterangan waktu semasa berturutan.  
Dalam hal ini, ayat 8(d) adalah gramatis dan merupakan  
variasi bagi ayat 8(c). Dari segi analisis konstituen  
terdekat, walaupun bahawa dan semasa berkedudukan  
berturutan, klausa "semasa dia sakit" lebih rapat  
hubungannya dengan klausa "ibunya yang menjaganya"  
berbanding dengan bahawa kerana bahawa merupakan  
kata hubung yang menghubungkan klausa "dia  
mengetahui sesuatu" dengan seluruh klausa majmuk  
keterangan "semasa dia sakit, ibunya yang menjaganya".  
Tegasnya, yang kelihatan berkedudukan rapat pada  
struktur permukaan tidak semestinya mempunyai  
hubungan yang rapat dalam struktur dalaman. Ayat 8(e)

pula tergantung kerana maklumatnya tidak lengkap.

Ayat 9(c) terbina apabila ayat 9(b) yang sedia  
mempunyai kata hubung pancangan pertentangan  
walaupun dipancarkan dalam ayat majmuk pancangan  
komplemen yang sedia mempunyai kata hubung  
pancangan komplemen bahawa. Ayat 9(d) terhasil  
dariapada proses penyongsangan klausa pancangan  
keterangan pertentangan walaupun berturutan. Dalam  
hal ini, ayat 9(d) adalah gramatis dan merupakan variasi  
bagi ayat 9(c). Ayat 9(e) tidak gramatis kerana merupakan  
ayat tergantung.

Ayat majmuk pancangan keterangan campuran boleh  
juga dipancarkan dalam ayat majmuk pancangan  
keterangan yang lain. Sila lihat contoh yang berikut:

- 10(a). Dia marah kerana tiada sesiapa menjaganya  
ketika dia sakit.
- 10(b). Dia marah kerana ketika dia sakit, tiada sesiapa  
menjaganya.
- 11(a). Dia berasa sedih kerana dia berasa  
keseorangan walaupun dia kaya.
- 11(b). Dia berasa sedih kerana walaupun dia kaya, dia  
berasa keseorangan.
- 12(a). Ilmu harus kita utamakan kerana kita akan rugi  
jika tidak berbuat demikian.
- 12(b). Ilmu harus kita utamakan kerana jika tidak  
berbuat demikian, kita akan rugi.

Dalam ayat 10(b), kata hubung pancangan keterangan  
musabab kerana diikuti oleh kata hubung pancangan  
keterangan waktu ketika melalui proses penyongsangan  
klausa majmuk keterangan waktu. Dalam ayat 11(b), kata  
hubung pancangan keterangan musabab kerana diikuti  
oleh kata hubung pancangan keterangan pertentangan  
walaupun melalui proses penyongsangan klausa majmuk  
keterangan pertentangan. Dalam ayat 12(b), kata hubung  
pancangan keterangan musabab kerana diikuti oleh kata  
hubung pancangan keterangan syarat jika melalui proses  
penyongsangan klausa majmuk keterangan syarat.

Intihanya, variasi dari segi struktur ayat merupakan  
tonggak kekuatan dan asas keindahan sesuatu bahasa.  
Janganlah kita terlalu bersikap konservatif dan dogmatik  
dalam zaman yang diwarnai perubahan pada setiap  
waktu kini. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila  
kita ada struktur yang pelbagai untuk mengungkapkan  
sesuatu perkara secara parafrasa, keadaan ini merupakan  
manifestasi keupayaan bahasa kita untuk mengharungi  
cabaran yang bakal mendatang pada masa hadapan.  
Sesungguhnya, keluwesan berbahasa itulah teras  
kemandirian bahasa kita. **PB**